

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 3 TAHUN 1989**

#### **DASAR PINDAH MILIK TANAH KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT MILIK 100% OLEH KERAJAAN ATAU AGENSI KERAJAAN**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa M.M.K. yang bersidang pada 22.3.1989 semasa menimbang kertas Bil. 6/145/89 (19) telah mengkaji semula dasar pindahmilik tanah kepada syarikat-syarikat khususnya syarikat milik 100% ekuiti oleh Kerajaan atau Agensi Kerajaan. Pada masa ini, dasar pindahmilik tanah kepada syarikat adalah secara umum di mana pertimbangan boleh diberi dengan cara mengeluarkan hakmilik pajakan tempoh 33 tahun dan untuk menarik pelaburan bolehlah ditimbang sehingga 66 tahun. Tempoh 66 tahun hanya diberi dalam keadaan tertentu untuk menarik pelaburan dan bagi syarikat-syarikat atau badan-badan di mana Kerajaan atau Agensi Kerajaan mempunyai ekuiti.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 22.3.89 telah memutus bahawa pindahmilik tanah kepada syarikat-syarikat milik 100% ekuiti oleh Kerajaan atau Agensi Kerajaan bolehlah ditimbang pengeluaran hakmilik pajakan sehingga 99 tahun dengan dikenakan sekatan kepentingan di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara.
3. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling P.T.G. Kelantan Bil. 2/88

**t.t**

**( Tengku Elias Bin Tengku Mahmood )**

b.p. PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN,  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM,  
15576, KOTA BHARU.**

**BERTARIKH : 9HB. APRIL 1989**

**KEPADA :**

Semua Pentadbir Tanah Jajahan  
Kelantan.

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB. Tan Sri Dato' Menteri Besar, Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar, Kelantan.
3. YB.Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Ketua Audit Negeri, Kelantan.
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan, Kelantan.
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan.
9. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan.

**FAIL : P.T.G. KN. SULIT 1/2/7/ (78)**